

# Persepsi Awal Terhadap Pengenalan Pembelajaran Kod Jawi

## *Initial Perception of the Introduction of Jawi Code Learning*

Noor Azam Abdul Rahman<sup>1</sup>, Nurul Syala Abdul Latip<sup>2\*</sup> & Indirawati Zahid<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Asasi dan Pengajian Diploma (CCJ), Universiti Tenaga Nasional, Kampus Putrajaya, 43000 Kajang, Malaysia;

<sup>2</sup> Fakulti Kujuruteraan dan Alam Bina, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia;

### Article progress

Received: 19 June 2024

Accepted: 5 November 2024

Published: 30 November 2024

\*Corresponding author:  
Nurul Syala Abdul Latip,  
Fakulti Kujuruteraan dan Alam  
Bina, Universiti Sains Islam  
Malaysia, 71800 Nilai, Negeri  
Sembilan, Malaysia;  
Email:  
nurulsyala@usim.edu.my;

**Abstrak:** Perbincangan berkaitan isu tulisan Jawi dalam pendidikan di Malaysia serta pengenalan Kod Jawi sebagai nilai tambah dalam pembelajaran Jawi di Malaysia akan dijelaskan melalui kajian ini. Tulisan jawi adalah warisan agama dan bangsa Melayu, namun mutakhir ini tulisan jawi kurang mendapat sambutan dan tempat dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Pemeliharaan Jawi kurang diberi tumpuan oleh pihak berwajib dan penggiat pendidikan Islam. Sekiranya hal ini dibiarkan, tulisan jawi akan hanyut dan terpadam sedikit demi sedikit. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti pandangan generasi muda terhadap pengenalan pembelajaran Kod Jawi di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui penggunaan borang soal selidik. Taklimat mengenai pengenalan Kod Jawi telah dijalankan kepada pelajar sebelum mereka menjawab borang soal selidik tersebut. Kajian ini melibatkan 100 pelajar di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) yang mempunyai latar belakang pendidikan berbeza pada peringkat sekolah rendah dan menengah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden (61% responden,  $M= 3.27$ , SP 0.815) percaya bahawa "Kod Jawi perlu ditawarkan di semua peringkat pembelajaran seperti peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi, supaya pembelajaran Jawi lebih komprehensif" (pernyataan 11), selain daripada diajar di pra-sekolah (pernyataan 3:  $M= 3.76$ , SP= 0.816). Hasil kajian menunjukkan majoriti responden mempunyai persepsi positif terhadap inisiatif yang dicadangkan untuk memperkenalkan Kod Jawi dalam sistem Pendidikan di Malaysia sebagai persediaan untuk mempromosikan tulisan Jawi kepada komuniti yang lebih besar.

**Kata kunci:** Pengajaran dan pembelajaran, Kod Jawi, sistem pendidikan, tulisan Jawi;

**Abstract:** The discussion related to the issue of Jawi writing in education in Malaysia as well as the introduction of the Kod Jawi as an added value in learning Jawi in Malaysia will be explained through this study. Jawi writing is the heritage of religion and the Malay nation, but lately Jawi writing has not received much attention and place in society in Malaysia. The preservation of Jawi is less focused by the authorities and Islamic education activists. If it is left, the Jawi writing will drift away and fade away little by little. The main objective of this study is to identify the young generation's views on the introduction of Jawi Code learning at the primary school, secondary school and higher education levels in Malaysia. This study uses a quantitative method through the use of a questionnaire. A briefing on the introduction of the Kod Jawi was conducted to the students before they answered the questionnaire. This study involves 100 students at Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) who have different educational backgrounds at

the primary and secondary school levels. The findings of the study show that the majority of respondents (61% of respondents,  $M= 3.27$ ,  $SP = 0.815$ ) believe that “the Kod Jawi should be offered at all levels of learning such as primary, secondary and higher education levels, so that Jawi learning is more comprehensive” (statement 11) in addition to from being taught in pre-school (statement 3:  $M= 3.76$ ,  $SP = 0.816$ ). The results of the study show that the majority of respondents have a positive perception of the proposed initiative to introduce the Kod Jawi in the Education system in Malaysia in preparation for promoting Jawi writing to the larger community.

**Keywords:** Teaching and learning, Jawi Code, education system, Jawi writing;

## Pengenalan

Penggunaan tulisan Jawi dalam mata pelajaran Pendidikan Islam telah memberi pendedahan awal yang baik berkaitan Jawi kepada generasi muda pada peringkat sekolah. Mata pelajaran Pendidikan Islam merupakan salah satu komponen penting dalam sistem pendidikan kebangsaan dan ia juga menjadi mata pelajaran utama dalam kurikulum kebangsaan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Ini bermakna pendedahan berkaitan Jawi kepada generasi muda pada peringkat sekolah telah berlangsung dengan baik dalam sistem pendidikan di Malaysia. Oleh itu, sebagai usaha untuk meluaskan pembelajaran Jawi dalam pendidikan di Malaysia, pandangan generasi muda yang telah melalui sistem pendidikan di peringkat sekolah dan yang menggunakan tulisan Jawi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam, perlu diambilkira. Walau bagaimanapun, menurut Lubis (2012), pengajaran dan pembelajaran Jawi hanya terhad kepada peringkat sekolah rendah sahaja kerana tiada kesinambungan yang memperluaskan pengetahuan Jawi kepada para pelajar di sekolah menengah pada waktu tersebut. Lubis (2012) selanjutnya menjelaskan bahawa kesan daripada pembelajaran Jawi yang terhad itu telah menyebabkan generasi muda agak lemah dalam penguasaan Jawi mereka terutamanya dalam aspek membaca dan menulis Jawi. Walau bagaimanapun bagi pelajar sekolah menengah yang mengikuti aliran agama masih berpeluang untuk menekuni pembelajaran jawi.

Tulisan Jawi secara asasnya berasal daripada huruf-huruf Arab yang telah disesuaikan dengan sebutan (lidah) masyarakat tempatan (Melayu). Faktor penyebaran agama Islam di Tanah Melayu dan Nusantara telah memaksa pendakwah-pendakwah Islam menggunakan satu sistem tulisan yang

berasaskan huruf Arab sebagai kaitan langsung dengan agama Islam.

Menurut Hashim Haji Musa (1999), tulisan Jawi berasal daripada tulisan Arab yang tiba ke Kepulauan Melayu bersama-sama dengan kedatangan agama Islam. Tulisan Jawi dicipta oleh orang Melayu dengan berasaskan huruf Arab, untuk mengeja bahasa Melayu yang dijadikan sebagai bahasa agama Islam walaupun sebelum ini bahasa Melayu sudah mempunyai ejaan Kawi. Ini adalah kerana tulisan Jawi lebih serasi untuk melambangkan bunyi istilah-istilah agama Islam yang kebanyakannya bersumberkan al-Qur'an dan al-Hadith yang wajib disebut secara betul supaya tidak berlaku perubahan bunyi yang mudah terjadi jika dieja dalam tulisan Rumi dan dapat menjelas keimanan.

Manakala Kod Jawi pula merupakan satu sistem permaknaan bahasa Melayu berasaskan tulisan Jawi yang ada kolerasi secara langsung dengan susunan kedudukan surah-surah dalam kitab al-Quran. Ia adalah satu teknologi bahasa yang berhasil dari kajian *tadabbur al-Quran* lebih 15 tahun. Kod Jawi telah mula digunakan di dalam penyelidikan untuk penerokaan ilmu dalam pelbagai bidang (Nurul Syala et. al, 2022; Nur 'Alia. et. al, 2023; Norahaida et. al, 2024). Ini adalah kerana setiap satu huruf jawi di dalam setiap perkataan bahasa Melayu boleh diperincikan dengan menggunakan Kod Jawi untuk memahami konsep sesuatu perkataan dengan lebih mendalam. Dengan menggunakan Kod Jawi, penggunaan tulisan jawi tidak akan hanya terhad kepada pengajaran Islam sahaja malah boleh digunakan di dalam pelbagai bidang lain termasuk bidang teknikal.

## Pernyataan Masalah

Dalam kajian yang dijalankan oleh Shitiq dan Mahmud (2010), telah didapati bahawa pelajar-pelajar

sekolah rendah menganggap tulisan Jawi sebagai suatu yang sukar untuk dipelajari. Persepsi tentang kesukaran ini menyebabkan mereka mudah kehilangan minat untuk belajar tulisan Jawi. Dalam kajian lain yang dijalankan oleh Yaacob (2007) mengenai penguasaan pelajar terhadap tulisan Jawi, telah didapati bahawa pelajar Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 masih lemah dalam menggunakan Jawi kerana mereka tidak dapat menghubungkan huruf Jawi yang diberikan walaupun huruf yang mudah dan sangat lemah semasa menukar huruf-huruf Rumi kepada Jawi. Antara keistimewaan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) adalah pelajar dapat menguasai bahasa Arab, tulisan Jawi dan kemahiran al-Quran seperti yang disebutkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar SMKA mendapat keistimewaan mempelajari tulisan Jawi secara khusus berbanding pelajar sekolah menengah biasa yang lain. Jelas juga di sini bahawa pembelajaran Jawi di peringkat sekolah menengah hanya berlaku di sekolah-sekolah terpilih sahaja dan tidak semua pelajar berpeluang mempelajarinya. Oleh itu, pemilihan pelajar-pelajar UNITEN sebagai responden kajian amat tepat dan relevan dengan latar belakang pelajar-pelajarnya pada peringkat pendidikan menengah mereka, sama ada belajar di SMKA ataupun aliran sekolah menengah biasa. Begitu juga pada peringkat sekolah rendah. Walaupun kajian ini melibatkan para pelajar di UNITEN yang rata-rata pelajar adalah mengikuti aliran teknikal, namun latar belakang pendidikan menengah mereka adalah daripada bidang yang berbeza. Di UNITEN, terdapat juga program berpaksikan Pendidikan agama Islam seperti program Kejuruteraan Tahfiz, Korporat Tahfiz, Perakaunan Tahfiz dan program Asas Tahfiz dengan Kerjasama Institut Darul Al-Quran yang berpengalaman dalam bidang tahfiz al-Quran. Manakala syarat kemasukan untuk program-program ini memerlukan pelajar yang mempunyai asas al-Quran dan tulisan Jawi. Oleh itu, walaupun di UNITEN mereka mengikuti bidang teknikal, namun latar belakang pendidikan menengah mereka adalah bidang yang relevan dengan tulisan Jawi. Ini memberi keistimewaan kepada kajian ini kerana responden yang dipilih adalah dari latar belakang yang sesuai dengan objektif kajian sebagai mewakili kumpulan generasi muda di Malaysia.

## Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti

pandangan generasi muda di institusi pengajian tinggi (UNITEN) berkaitan pengenalan pembelajaran Kod Jawi kepada pelajar di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi di Malaysia.

Ringkasnya, kajian ini berhasrat untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengenalpasti pandangan generasi muda yang diwakili oleh responden kajian (pelajar UNITEN) terhadap pengenalan pembelajaran Kod Jawi di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi di Malaysia.

## Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan kajian berikut:

- i. Adakah generasi muda di institusi pengajian tinggi yang dikaji bersetuju dengan pengenalan pembelajaran Kod Jawi pada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi di Malaysia.

## Kepentingan Kajian

Melalui kajian ini, diharapkan ia dapat menjelaskan tentang isu kepentingan pendedahan Kod Jawi kepada generasi muda khususnya di pelbagai peringkat institusi pendidikan di Malaysia sesuai dengan trend masa kini. Kajian ini juga penting untuk meneliti kedudukan tulisan Jawi sebagai suatu subjek yang perlu diajar di semua peringkat pendidikan serta usaha untuk menggalakkan pembelajarannya. Selain itu, diharapkan dapatan kajian ini akan menjadi sumber maklumat penting mengenai isu-isu berkaitan tulisan Jawi yang dibincangkan untuk pencerahan rakyat Malaysia khususnya, dan seluruh dunia amnya.

## Kajian Literatur

### *Kepentingan Pembelajaran Jawi kepada Pelajar di Malaysia*

Mohd Eezan dan Shahlan (2020) melalui kertas kerja konsep mereka mendapati banyak usaha dari pelbagai pihak di Malaysia untuk memelihara tulisan Jawi. Menurut mereka, golongan yang prihatin ini merupakan sama ada sebagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) ataupun agensi kerajaan yang berwajib seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Namun, segala usaha ini menurut mereka juga akan menjadi sia-sia sekiranya generasi muda tidak merasai kepentingan

tulisan Jawi. Berdasarkan kajian mereka, tulisan Jawi akan terus dipinggirkan jika tidak dipelihara dan diwariskan kepada generasi muda dengan usaha memotivasiakan mereka.

Ali dan Abdullah (2015) menjelaskan bahawa pendidikan Jawi merupakan suatu pembelajaran yang merangkumi pelbagai kemahiran seperti asas Jawi, ejaan, sebutan, kemahiran membaca dan menulis Jawi dengan matlamat untuk membolehkan pelajar menguasai pelbagai subjek dalam Pendidikan Islam seperti “Tilawah Al-Quran”, “Ulum Syariah” dan juga merangkumi aspek “Akidah”, “Ibadah”, “Sirah”, “Adab” serta “Akhlak Islamiah”.

Keupayaan untuk membaca dan menulis Jawi adalah penting untuk pelajar memahami dan menguasai pembelajaran pendidikan Islam (Che Man, 2006). Suatu kajian yang telah dijalankan oleh Kasa dan Ayob (2008) mendapati bahawa responden mereka telah menganggap Jawi dapat membantu dalam pembacaan al-Quran selain daripada berpendapat bahawa Jawi mencerminkan budaya Melayu. Selain itu, 36 responden kajian yang dijalankan oleh Abd. Rahman (2008) pula percaya bahawa menguasai kemahiran Jawi telah memberikan mereka nilai tambah serta menjadi kebanggaan kepada mereka.

#### *Pengajaran dan Pembelajaran Jawi di Sekolah-sekolah di Malaysia*

Panduan Pengurusan Mata Pelajaran Pendidikan Islam Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia menyatakan bahawa; “Kemahiran bahasa yang disediakan melalui mata pelajaran Pendidikan Islam adalah sejajar dengan usaha untuk mencapai matlamat pembelajaran Pendidikan Islam iaitu para pelajar dapat membaca dan membuat atau menulis ayat atau teks menggunakan kaligrafi Jawi serta mencintai Jawi sebagai warisan budaya” (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Berdasarkan Panduan Pelaksanaan Kem Cemerlang Jawi (2017), fokus kemahiran Jawi yang ditekankan di peringkat sekolah adalah seperti berikut:

##### i. Kemahiran Menulis

No.	Kemahiran	Isi Kandungan
1.	Huruf Tunggal Jawi	Huruf <i>Alif</i> hingga <i>Ya</i> (kedudukan huruf)
2.	Huruf di awal, tengah dan akhir	Menulis huruf bersambung

3.	Suku Kata	Mencantum Suku Kata terbuka /tertutup
4.	Pengkaedahan asas	Menulis perkataan
5.	Penilaian	

##### ii. Kemahiran *Syafawi*

No.	Kemahiran	Isi Kandungan
1.	Huruf Tunggal Jawi	Huruf <i>Alif</i> hingga <i>Ya</i>
2.	Bunyi Vokal	Suku kata Terbuka
3.	Satu Suku Kata	Diftong dan Tertutup
4.	Perkataan daripada 2 - 4 Suku	Suku kata Terbuka + Tertutup
5.	Membaca Teks	Ayat-ayat pendek

##### iii. Kemahiran Membaca

No.	Kemahiran	Isi Kandungan
1.	Huruf Tunggal Jawi	Huruf <i>Alif</i> hingga <i>Ya</i> (,
2.	Bunyi Vokal	Suku Kata Terbuka
3.	Satu Suku Kata	Diftong dan Tertutup
4.	Perkataan daripada 2 - 4 SUKU KATA	Suku kata Terbuka + Tertutup
5.	Membaca Teks	Ayat-ayat pendek

Berkaitan dengan isu kedudukan Jawi yang diajar melalui beberapa mata pelajaran, telah wujud kekeliruan dan perdebatan tentang status Jawi sebagai salah satu mata pelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia. Antaranya, berkenaan isu sama ada tulisan Jawi perlu diajar sebagai sebahagian daripada mata pelajaran Pendidikan Islam atau mata pelajaran Bahasa Melayu (Musa & Abdul Aziz, 2009). Manakala Zailani (2005) pula menyatakan bahawa Jawi diajar sebagai sebahagian daripada komponen Pendidikan Islam dan ini pertama kali dilaksanakan pada tahun 2003 dengan pengajaran 2 jam seminggu dalam 6 bulan pertama untuk murid Tahun 1.

#### *Pendedahan Jawi di peringkat Institusi Pengajian Tinggi*

Menurut Abdul Hamid dan Abdullah (2009), Jawi bukan lagi satu kemahiran yang diminati dan perlu dikuasai dengan sempurna oleh generasi muda. Kajian

mereka menunjukkan bahawa penguasaan Jawi dalam kalangan pelajar berada pada peringkat yang membimbangkan (Abdul Hamid & Abdullah, 2009).

Kajian Abdul Hamid dan Abdullah (2009) tentang kepentingan pelajar di institusi pengajian tinggi untuk mempelajari dan menguasai kemahiran Jawi menunjukkan terdapat segelintir responden yang memberikan maklum balas positif terhadap Jawi manakala terdapat juga dari kalangan mereka yang kurang berminat mengenainya. Walaupun responden kajian tersebut pernah mempelajari Jawi seawal usia enam tahun dan menganggap Jawi mudah, namun minat dan usaha mereka masih berada di tahap sederhana. Hal ini disebabkan oleh beberapa perkara, antaranya mereka tidak mengetahui program yang berkaitan dengan Jawi di Malaysia, tidak pernah terlibat dalam kegiatan yang menggunakan Jawi dan tidak ada mata pelajaran khusus untuk mendalamai ilmu tentang Jawi. Lubis (2012) berpendapat bahawa, institusi pendidikan tinggi seperti universiti tempatan, kolej swasta dan institut latihan guru, hanya menjadikan Jawi sebagai topik dalam Pendidikan Islam dan kursus Bahasa Melayu.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Abd Rahman (2008) yang memberi tumpuan kepada penguasaan Jawi dan melibatkan 40 pelajar siswazah yang dipilih secara rawak dari beberapa fakulti mendapati para pelajar memberi maklum balas yang positif terhadap Jawi sebagai salah satu unsur budaya masyarakat Melayu. Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar di institusi pengajian tinggi masih menganggap tulisan Jawi sebagai sebahagian daripada aset penting komuniti tempatan.

## Metodologi

### Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif. Pengkaji menggunakan borang soal selidik yang dibangunkan sesuai dengan objektif kajian. Pernyataan-pernyataan yang dikemukakan dalam borang soal selidik telah diubahsuai daripada beberapa borang soal selidik yang relevan dengan objektif kajian ini. Bagi menepati objektif kajian untuk mengenalpasti pandangan generasi muda yang diwakili oleh para pelajar di institusi pengajian tinggi, setiap pernyataan yang dikemukakan telah melalui proses pilot kepada sebilangan pelajar yang bukan daripada kumpulan peserta kajian. Hal ini bagi memastikan setiap pernyataan yang digunakan dalam borang soal selidik dapat difahami oleh peserta kajian

serta menepati dan relevan dengan objektif kajian. Dalam kajian ini, pelajar institusi pengajian tersebut diwakili oleh para pelajar terpilih daripada UNITEN.

### Peserta-peserta Kajian

Peserta kajian ini terdiri daripada 100 orang pelajar di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) kampus Putrajaya. Pelajar-pelajar ini mempunyai latar belakang yang berbeza pada peringkat pendidikan sekolah rendah dan sekolah menengah. Pada peringkat sekolah rendah, terdapat pelajar yang mengikuti pendidikan di sekolah bantuan penuh kerajaan seperti sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah jenis kebangsaan (SJK). Manakala terdapat juga pelajar yang mengikuti pendidikan rendah di sekolah antarabangsa dan sekolah agama swasta (Sekolah Rendah Islam). Pada peringkat pendidikan menengah pula, terdapat peserta kajian yang menerima pendidikan melalui sekolah menengah bantuan penuh kerajaan seperti di sekolah menengah biasa ataupun sekeolah menengah kebangsaan (SMK). Terdapat juga pelajar yang mengikuti pendidikan di sekolah antarabangsa dan tidak menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pada peringkat pendidikan menengah ini terdapat juga peserta kajian yang mengikuti aliran agama sama ada di sekolah kerajaan (SMKA) ataupun di sekolah swasta (Sekolah Menengah Islam), dan terdapat juga pelajar yang mengikuti pendidikan aliran tafhiz al-Quran.

Dari segi jantina, peserta kajian ini terdiri daripada 50 orang pelajar lelaki dan 50 orang pelajar perempuan yang berumur di antara 21 tahun sehingga 23 tahun. Kesemua peserta kajian ini sedang mengikuti pelajaran pada peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan, Kejuruteraan Tafhiz, Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, dan Korporat Tafhiz.

### Instrumen Kajian

Borang soal selidik yang dibangunkan dan digunakan dalam kajian ini terdiri daripada 15 pernyataan yang terarah kepada persoalan kajian serta objektif kajian yang ditetapkan. Setiap pernyataan yang dikemukakan diukur dalam bentuk peratusan dari segi tahap persetujuan responden atau ketidaksetujuan dengan pernyataan (yang mana berkaitan dengan responden).

Tahap bersetuju atau tidak bersetuju responden terhadap 15 pernyataan dalam soal selidik diwakili oleh skala Likert 5-point sebagai berikut: Sangat tidak

bersetuju= 1; Tidak setuju= 2; Tidak pasti= 3; Setuju= 4; dan, Sangat bersetuju= 5.

### Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data telah dijalankan melalui prosedur tertentu bermula dengan pertemuan dengan responden. Mereka terlebih dahulu telah diberikan taklimat tentang Kod Jawi dan mengujicuba menggunakan Kod Jawi pada perkataan yang mudah. Kemudian, penerangan mengenai objektif kajian dan cara untuk menjawab borang soal selidik dilaksanakan. Data telah diperolehi daripada soal selidik yang diberikan kepada 30 responden untuk ujian rintis sebelum permulaan kajian utama. Seterusnya, data daripada 100 responden untuk kajian utama diperoleh menggunakan prosedur yang sama. Semua data dikumpulkan dalam satu peringkat sahaja dan ini bermakna tiada ujian pra dan pos yang terlibat dalam penyelidikan ini.

### Kaedah Analisis Data

Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian Pakej Statistik Untuk Sains Sosial (SPSS) versi 23 untuk tujuan analisis kuantitatif. Maklum balas responden terhadap pernyataan dalam soal

selidik itu dikira dari segi peratusan, nilai skor min dan nilai sisihan piawai. Maklum balas keseluruhan persepsi responden terhadap pengenalan pembelajaran Kod Jawi kepada pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia dianalisis secara berangka.

### Dapatan dan Analisis Kajian

#### *Konsistensi Kebolehpercayaan Pernyataan bagi Ujian Rintis*

Jadual 1. Analisis nilai kebolehpercayaan Cronbach Alpha

<b>Statistik Kebolehpercayaan</b>	
<b>Cronbach's Alpha</b>	<b>Bilangan Pernyataan</b>
0.728	15

Kajian rintis telah dijalankan bertujuan untuk menguji kebolehpercayaan pernyataan dalam soal selidik dengan 30 responden (15 lelaki dan 15 perempuan). Nilai Cronbach Alpha sebanyak 0.728 yang dijana oleh perisian SPSS mewakili nilai yang boleh diterima dan menunjukkan bahawa pernyataan yang terdapat dalam borang soal selidik boleh digunakan untuk kajian ini.

### Dapatan Kajian

Jadual 2. Frekuensi (f) Taburan (dalam peratusan) untuk Persepsi Responden terhadap Pengenalan Pembelajaran Kod Jawi ke Pelbagai Peringkat Pendidikan di Malaysia

	<b>Pernyataan</b>	Min	Sisihan Piawai	<b>Pilihan jawapan</b>				
				<b>STS</b>	<b>TS</b>	<b>TP</b>	<b>S</b>	<b>SS</b>
1	<b>Kelestarian Kod Jawi</b>			%	%	%	%	%
1	Kod Jawi perlu diajar sebagai mata pelajaran khusus di sekolah supaya pelajar mendapat lebih banyak pendedahan kepada Jawi.	3.41	0.875	10	24	10	39	17
2	Kod Jawi perlu dijadikan mata pelajaran wajib lulus kepada pelajar sekolah untuk meningkatkan pengetahuan mereka tentang Jawi.	4.11	0.724	5	16	5	46	28
3	Pendidikan Jawi perlu dimulakan pada peringkat pra-persekutuan.	3.76	0.816	6	15	3	52	24
4	Mata pelajaran Kod Jawi perlu dijadikan salah satu mata pelajaran pilihan yang boleh diambil oleh pelajar sekolah menengah.	4.33	0.712	9	20	4	44	23
5	Kod Jawi perlu dipelajari pada peringkat institusi pengajian tinggi supaya pendidikan Jawi dapat dipelajari secara berterusan.	3.42	0.673	23	31	10	24	12
6	Pendidikan Kod Jawi hendaklah terbuka kepada pelajar bukan Islam supaya Jawi dapat menjadi bersifat lebih sejagat/ universal.	3.54	0.615	11	34	8	27	20

7	Pembelajaran tulisan Jawi perlu selari dengan pembelajaran tulisan Rumi.	3.66	0.732	9	10	2	49	30
8	Kementerian Pelajaran perlu memberi perhatian penting kepada pendidikan Jawi.	3.31	0.857	8	10	14	51	17
9	Sekolah-sekolah perlu memberi pendedahan lebih kepada Kod Jawi melalui penubuhan kelab dan persatuan Jawi di sekolah.	4.37	0.644	2	13	6	54	25
10	Tulisan Jawi perlu digunakan bersama tulisan Rumi bagi mata pelajaran bahasa Melayu.	4.13	0.721	8	21	1	45	25
11	Pada pendapat saya, mata pelajaran Kod Jawi perlu ditawarkan di semua peringkat pembelajaran seperti peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi, supaya pembelajaran Jawi lebih komprehensif.	3.27	0.815	6	28	5	43	18
12	Saya fikir semua pihak seperti ibu bapa, guru dan ahli masyarakat, perlu menyedari betapa pentingnya Jawi dijadikan sebagai satu mata pelajaran.	4.24	0.721	8	21	3	45	23
13	Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran perlu menyediakan pelan jangka panjang yang lengkap berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Jawi dalam sistem pendidikan Malaysia.	3.54	0.763	13	27	5	43	12
14	Pada pendapat saya, selain daripada mata pelajaran Bahasa Melayu dan Pendidikan Islam yang melibatkan penggunaan tulisan Jawi, mata pelajaran lain seperti Sejarah dan Kesusastraan Melayu juga boleh menggunakan tulisan Jawi dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini di sekolah.	4.15	0.742	6	22	4	36	32
15	Mata pelajaran Jawi juga harus ditawarkan kepada pelajar di semua jenis sekolah di Malaysia, bukan hanya di sekolah aliran agama sahaja seperti yang diamalkan hari ini.	3.18	0.821	5	13	3	58	21

### *Pendekatan memperluaskan pembelajaran Kod Jawi*

Jadual 2 di atas menunjukkan dapatan kajian tentang persepsi responden terhadap pembelajaran Kod Jawi di pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia. Dapatkan ini dapat dijelaskan berdasarkan daripada pecahan topik-topik fokus berikut;

#### **i. Cadangan Kod Jawi sebagai suatu mata pelajaran yang ekslusif dan terasing daripada mata pelajaran lain, khasnya Pendidikan Islam**

Maklum balas responden berkaitan cadangan Kod Jawi sebagai suatu mata pelajaran yang ekslusif dan terasing daripada mata pelajaran lain khasnya Pendidikan Islam mendapat reaksi yang positif. Majoriti responden bersetuju dengan pernyataan-pernyataan berkaitan dengan topik ini, iaitu bagi pernyataan 1, 2, 4, 11, 12 dan pernyataan 15.

Bagi pernyataan 4 (*Mata pelajaran Kod Jawi perlu*

*dijadikan salah satu mata pelajaran pilihan yang boleh diambil oleh pelajar sekolah menengah*), nilai min yang diperolehi menunjukkan pada 4.33 manakala jumlah responden yang memilih bersetuju dan sangat bersetuju sebanyak 67%. Pernyataan 12 (*Saya fikir semua pihak seperti ibu bapa, guru dan ahli masyarakat, perlu menyedari betapa pentingnya Jawi dijadikan sebagai satu mata pelajaran*) juga menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 4.24 dengan jumlah responden yang memilih bersetuju dan sangat bersetuju seramai 68%. Manakala hanya 18% sahaja responden memilih sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju dengan pernyataan 15 (*Mata pelajaran Jawi juga harus ditawarkan kepada pelajar di semua jenis sekolah di Malaysia, bukan hanya di sekolah aliran agama sahaja seperti yang diamalkan hari ini*).

Majoriti (61%) responden bersetuju tulisan Jawi perlu dijadikan satu mata pelajaran khusus pada semua peringkat pendidikan di Malaysia. Data bagi

pernyataan 11 (*Pada pendapat saya, mata pelajaran Kod Jawi perlu ditawarkan di semua peringkat pembelajaran seperti peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi, supaya pembelajaran Jawi lebih komprehensif*) menunjukkan nilai min 3.27 dengan hanya 34% responden memilih untuk tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju dengan pernyataan 11 ini.

### **ii. Pembelajaran Kod Jawi sebagai aktiviti Ko-Kurikulum di Sekolah**

Dapatan kajian berkaitan penggunaan Kod Jawi dalam pelbagai aspek dapat dinilai melalui pernyataan 6, 7, 9, 10 dan 14. Secara umumnya, semua pernyataan ini mendapat maklum balas positif dari segi jumlah peratusan responden yang memilih bersetuju dan sangat bersetuju.

Bagi pernyataan 9 (*Sekolah-sekolah perlu memberi pendedahan lebih kepada Kod Jawi melalui penubuhan kelab dan persatuan Jawi di sekolah*), nilai min adalah pada jumlah yang tinggi iaitu 4.37, manakala jumlah responden yang memilih bersetuju seramai 54% dan sangat bersetuju seramai 25%. Secara keseluruhan, jumlah responden yang bersetuju bagi pernyataan 9 adalah 79%. Begitu juga bagi pernyataan 7, 10 dan 14.

Kesemua pernyataan ini mendapat jumlah responden yang bersetuju dan sangat bersetuju melebihi daripada 50% iaitu sebanyak 79% bagi pernyataan 7, sebanyak 70% bagi pernyataan 7 dan sebanyak 68% bagi pernyataan 14. Walau bagaimanapun, bagi pernyataan 6 (*Pendidikan Kod Jawi hendaklah terbuka kepada pelajar bukan Islam supaya Jawi dapat menjadi bersifat lebih sejagat/universal*), beza jumlah responden yang memilih bersetuju dan sangat bersetuju sangat kecil dengan responden yang memilih tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju iaitu sebanyak 2% sahaja. Jumlah peratusan responden yang bersetuju dan sangat bersetuju seramai 47% manakala responden yang memilih tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju seramai 45%.

### **iii. Pandangan Umum berkaitan Kod Jawi dalam Sistem Pendidikan**

Pernyataan 3 dan pernyataan 5 menunjukkan maklum balas responden terhadap pembelajaran Kod Jawi di pelbagai peringkat pendidikan. Dapatan kajian menunjukkan majoriti (76%) responden memilih bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan 3 (*Pendidikan Jawi perlu dimulakan pada peringkat pra-persekolahan*). Nilai min bagi pernyataan 3

adalah 3.76 yang menunjukkan responden bersetuju pendidikan Jawi dimulakan pada peringkat pra-persekolahan.

Walau bagaimanapun, majoriti (54%) responden memilih untuk tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju terhadap pernyataan 5 (*Kod Jawi perlu dipelajari pada peringkat institusi pengajian tinggi supaya pendidikan Jawi dapat dipelajari secara berterusan*). Manakala, hanya 36% responden memilih bersetuju dan sangat bersetuju dengan pernyataan 5.

### **iv. Peranan kerajaan terhadap pembelajaran Jawi**

Maklum balas responden berkaitan peranan kerajaan terhadap pembelajaran Kod Jawi boleh dilihat daripada pernyataan 8 dan pernyataan 13. Bagi pernyataan 8 (*Kementerian Pelajaran perlu memberi perhatian penting kepada pendidikan Jawi*), nilai min adalah 3.31 manakala, jumlah responden yang memilih bersetuju dan sangat bersetuju adalah majoriti (68%). Pernyataan 13 (*Kerajaan melalui Kementerian Pelajaran perlu menyediakan pelan jangka panjang yang lengkap berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran Jawi dalam sistem pendidikan Malaysia*) pula menunjukkan jumlah responden yang bersetuju dan sangat bersetuju seramai 55% ( $M=3.54$ ,  $SP= 0.763$ ). Manakala jumlah responden yang memilih tidak bersetuju dan sangat tidak bersetuju adalah 40%.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa persepsi generasi muda terhadap pengenalan pembelajaran Kod Jawi kepada pelajar di pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia pada asasnya positif. Maklum balas responden terhadap pernyataan 11 (*Pada pendapat saya, mata pelajaran Kod Jawi perlu ditawarkan di semua peringkat pembelajaran seperti peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi, supaya pembelajaran Jawi lebih komprehensif*) contohnya, menunjukkan bahawa majoriti responden mengalu-alukan Kod Jawi ditawarkan sebagai mata pelajaran di semua peringkat pendidikan di Malaysia termasuk pada peringkat pengajian tinggi.

Dapatan ini selari dengan penemuan kajian yang dijalankan oleh Mohamad Yusof dan Sulaiman (2015) terhadap pelajar-pelajar di Universiti Brunei Darussalam. Dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa pelajar dari universiti yang dikaji (Universiti Brunei Darussalam) bermintat untuk mempelajari Jawi semasa di universiti mereka. Dalam konteks ini Kod Jawi merujuk kepada sebahagian daripada pembelajaran berkaitan tulisan Jawi.

## Kesimpulan

Kesimpulannya, hasil kajian ini membuktikan bahawa generasi muda yang telah diwakili oleh peserta kajian menunjukkan minat dan respon yang baik terhadap pengenalan Kod Jawi sebagai sebahagian ilmu berkaitan tulisan Jawi dalam sistem pendidikan di Malaysia. Responden kajian yang terdiri daripada para pelajar UNITEN yang mempunyai latar belakang pendidikan pada peringkat sekolah rendah dan menengah yang pelbagai telah memberi gambaran umum sebagai mewakili sebahagian daripada generasi muda yang dimaksudkan dalam kajian ini. Walaupun daptan kajian ini dilihat sebagai terlalu umum untuk membuktikan penerimaan generasi muda yang dimaksudkan itu terhadap pembelajaran Kod Jawi, namun pandangan mereka ini tidak boleh dikesampingkan. Setiap pihak berkaitan perlu juga memberi perhatian yang sesuai untuk kepentingan dan pembangunan jawi.

Oleh itu, dicadangkan agar pembelajaran Kod Jawi dapat ditawarkan kepada generasi muda dengan cara yang lebih efektif pada semua peringkat pembelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia agar Jawi tidak menjadi sesuatu yang asing bagi generasi akan datang.

Menurut Mohamad Yusof dan Sulaiman (2015) yang menjalankan kajian terhadap sikap pelajar Universiti Brunei Darussalam mengenai Jawi, terdapat beberapa inisiatif yang dapat dilaksanakan agar Jawi dapat digunakan secara meluas di institusi pengajian tinggi. Dalam kurikulum pendidikan misalnya, ia boleh dijadikan mata pelajaran atau modul wajib atau pilihan untuk pelajar, dengan memasukkan pelbagai sub-bidang seperti sejarah dan perkembangannya, statusnya sama ada seni kaligrafi tradisional atau kontemporari (*khat*), atau aplikasinya dalam media baru. Mohamad Yusof dan Sulaiman (2015) juga menjelaskan bahawa Jawi boleh dinaikkan taraf sebagai salah satu aktiviti ko-kurikulum yang bukan sahaja melibatkan pelajar tetapi juga orang awam.

Secara keseluruhannya, daptan kajian ini menepati objektif yang ditetapkan iaitu untuk mengenalpasti pandangan generasi muda terhadap pengenalan pembelajaran Kod Jawi di pelbagai peringkat pendidikan di Malaysia. Persoalan kajian adakah generasi muda di institusi pengajian tinggi yang dikaji bersetuju dengan pengenalan pembelajaran Kod Jawi pada peringkat sekolah rendah, sekolah menengah dan pengajian tinggi di Malaysia juga telah terjawab. Majoriti responden memberi maklum balas yang positif terhadap

cadangan mempromosikan Jawi melalui kelab atau persatuan Jawi di sekolah, mengajar Jawi kepada bukan Melayu dan menjadikan Jawi sebagai mata pelajaran wajib untuk lulus. Oleh itu, jelas bahawa Jawi masih diingini dan dialu-alukan oleh generasi muda. Oleh itu tindakan sewajarnya perlu diambil oleh pelbagai pihak yang berkaitan untuk memberi pendedahan tentang Kod Jawi kepada seluruh generasi muda di Malaysia.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya melibatkan sebahagian kecil peserta kajian yang mewakili pandangan generasi muda di Malaysia. Cadangan pengkaji, pada masa akan datang terdapat para pengkaji yang lain berminat untuk meneruskan kajian berkaitan pandangan masyarakat Malaysia tentang Kod Jawi, pada skala responden yang lebih besar dan menyeluruh.

## Penghargaan

Kajian ini dibiayai dari segi kewangan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia melalui Fundamental Research Grant Scheme (FRGS/1/2021/SSI0/UM/02/11)(FP031-2021), Universiti Tenaga Nasional dan Universiti Sains Islam Malaysia.

## Rujukan

Maria Chong Abdullah, Samsilah Roslan & Tajularipin Sulaiman. (2011). Strategi pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi: Satu anjakan paradigma. *Malaysian Education Dean's Council Journal*, 8, 1-14.

Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid & Niswa @ Noralina Abdullah(2009). Penggunaan Tulisan Jawi dalam Kalangan Mahasiswa Pengajian Islam: Kajian di Institut Pengajian Tinggi Awam Tempatan. *Jurnal At-Tamadun*. 4(1), 145–156. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8344>

Akta 10/63, s.2. *Undang-undang Malaysia*, Akta 32, *Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67*. Printed by Ketua Pengarah Percetakan Negara, Kuala Lumpur, dengan kuasa Pesuruhjaya Penyemak Undang-undang 1968.

Ali, A. R., & Abdullah, B. (2015). Falsafah Pendidikan Jawi Dalam Memperkasakan Tamadun Islam Di Malaysia. *Proceedings of ICIC2015-International Conference on Empowering Islamic Civilization in the 21st Century*. Universiti Sultan

- Zainal Abidin, Malaysia.  
[https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/67\\_-Asyraf\\_Ridwan\\_Ali.pdf](https://www.unisza.edu.my/icic/images/Fullpaper/67_-Asyraf_Ridwan_Ali.pdf)
- Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017). *Panduan Pelaksanaan Kem Cemerlang Jawi*.  
[http://jpnperak.moe.gov.my/ppdhuluperak/attachment/s/article/1242/c.%20Modul%20KCJ%20\(Semakan\)%202017.pdf](http://jpnperak.moe.gov.my/ppdhuluperak/attachment/s/article/1242/c.%20Modul%20KCJ%20(Semakan)%202017.pdf)
- Che Siah Che Man. (2006). *Pendekatan Pengajaran Jawi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kasa, Z., & Ayob, A. (2008). Penggunaan Tulisan Jawi Dalam Masyarakat. *Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi dan Terjemahan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Panduan pengurusan mata pelajaran Pendidikan Islam sekolah rendah dan sekolah menengah*. Jemaah Nazir dan Kualiti.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2015). *Garis Panduan Pelaksanaan Program j-QAF*. Bahagian Pendidikan Islam.
- Lubis, M. B. (2012). Perkembangan Tulisan Jawi dalam Sistem Pendidikan di Malaysia, *Seminar Tulisan Jawi dan Teknologi 2012, Peringkat Kebangsaan, Pahang: Universiti Malaysia Pahang* 18 Oktober, 2012.
- Mohamad Yusof, S. B., & Sulaiman, E. (2015). Sikap generasi muda terhadap tulisan Jawi: Kajian kes pelajar Universiti Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 15, 8–16.  
<http://fass.ubd.edu.bn/SEA/vol15/SEA-v15-SitiBadriyah-Excerani.pdf>
- Mohd Eezan Hamdzah & Shahlan Surat. (2020). Pemupukan Minat Terhadap Jawi Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Personalia Pelajar*, 23 (2), 103-109
- Mohd Majid Konting. (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa & Pustaka.
- Hashim Musa, Abdul Aziz & Adi Yasran. (2009). Pemerksaan Kembali Tulisan Jawi. *Jurnal ASWARA*, 4(1), 159-176.
- Norahaida et.al (2024), Perincian Konsep Pendidikan Awal Kanak-kanak Menggunakan Kod Jawi. *International Conference on Contemporary Education in the Islamic World*.
- Nur ‘Alia. S. O., Nurul Syala. A.L., Noor Hayati.
- I. (2023) Relationship of Islamic Values with Traditional Malay Wood Carving. *International Conference on Local Wisdom of the Malay Archipelago* (COLLEGA 2023), 884-899.
- Nurul Syala Abdul Latip, Shahril Mohamad., Noor Hafiz Kamaruddin., Nur Akma Basril & Mohd Shahfez Sulaiman. (2022). Perincian definisi ‘pembangunan lestari’ menggunakan Kod Jawi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 7 (50), 143-150.
- Rahman, R. A. (2008). Kemahiran Tulisan Jawi Dalam Kalangan Mahasiswa: Tinjauan Awal di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Islam Selangor (KUIS). *Seminar Kebangsaan Tulisan Jawi dan Terjemahan, Universiti Pendidikan Sultan Idris*.
- Shitiq, H. A. A. H., & Mahmud, R. (2010, November). Using an Edutainment Approach of a Snake and Ladder game for teaching Jawi Script. In *Education and Management Technology (ICEMT), 2010 International Conference on Education and Management Technology* (pp. 228-232). IEEE.
- Surianiwiati, S., dan Khadijah, A. R. (2022). Penggunaan Kalis Jawi dan Travelling File Dalam Meningkatkan Kemahiran Menyambung Huruf Jawi di Sekolah Jenis Kebanggsan Cina (SJKC). *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(1).
- Yaacob, N. R. N. (2007). Penguasaan Jawi dan hubungannya dengan minat dan pencapaian pelajar dalam pendidikan Islam. *Malaysian Journal of Educators and Education*, 22, 161-172.
- Zailani, M. A. (2005). Pelaksanaan Program j-QAF (Jawi, Khatam Al-Quran, Bahasa Arab dan Pengukuhan Fardu Ain) Sekolah Rendah Kementerian Pelajaran Malaysia. Dlm. Hussin, S. (ed). *Pentadbiran Dalam Pembangunan Pendidikan*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zurina Abdullah dan Adi Yasran Abdul Aziz. (2020). Peminggiran Tulisan Jawi Sebagai Lambang Jati Diri Melayu: Satu Kajian Tinjauan. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 7(2), 244-255. Retrieved from  
<https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/152>